

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

YFP 203 - Penerbitan Televisyen I

Masa: [3 jam]

Bahagian A: Jawab soalan 1.

1. Anda ditugaskan untuk menerbit satu forum mengenai alam sekitar di Malaysia.
 - (a) Bagaimakah akan anda mengendalikan rancangan ini? Apakah yang akan menjadi tema perbincangan rancangan anda? Nyatakan aspek-aspek yang akan dikemukakan dalam forum ini dan cadangkan tetamu-tetamu yang akan diundang untuk menyertai forum ini.
 - (b) Lukiskan satu pelan lantai untuk menggambarkan 'setting' forum tersebut dan tandakan kedudukan kamera-kamera dalam penerbitan rancangan ini.

(25 markah)

Bahagian B: Jawab DUA soalan dalam bahagian ini.

2. Temuramah merupakan satu teknik penyampaian maklumat yang penting dalam rancangan televisyen. Apakah perkara-perkara yang patut diperhatikan apabila sesuatu temuramah dikendalikan di studio televisyen?
(25 markah)
3. Penyelidikan merupakan langkah yang pertama bagi menjayakan sesuatu rancangan. Berdasarkan kepada satu daripada penerbitan televisyen anda, bincangkan apakah penyelidikan yang anda telah jalankan dan sejauh manakah ia telah menjayakan rancangan televisyen tersebut.
(25 markah)
4. Beberapa syot kamera dihasilkan untuk menjadikan sesuatu rancangan itu lebih menarik dan dinamik. Bincangkan pergerakan kamera dan syot-syot yang dihasilkan oleh setiap pergerakan kamera itu.
(25 markah)

...2/-

5. Grafik merupakan salah satu elemen yang penting yang boleh menjadikan sesuatu rancangan itu lebih menarik.
- (a) Bincangkan kegunaan grafik dalam penerbitan televisyen.
- (b) Apakah faktor-faktor yang harus diperhatikan apabila merekabentuk grafik?

(25 markah)

Bahagian C

Jawab **SATU** soalan.

6. Dewasa ini TV1, TV2 dan TV3 telah meningkatkan rancangan-rancangan tempatan berbentuk jenaka. Bincangkan sejauh mana perkembangan ini memaparkan satu peningkatan yang benar dalam rancangan-rancangan tempatan Malaysia.
- (25 markah)
7. Mutu berita yang disiarkan di televisyen Malaysia telah meningkat. Dengan menggunakan contoh-contoh yang berkaitan, nilaiakan pandangan ini.
- (25 markah)
8. Dengan menggunakan contoh-contoh rancangan yang sedang disiarkan oleh televisyen di Malaysia, terangkan 'genre' utama yang dipersersembahkan. Setakat manakah 'genre-genre' ini menggambarkan corak pemilihan yang majmuk?
- (25 markah)

-oooOooo-